

Kerjasama pulihara sumber asli, alam sekitar

PUTRAJAYA 3 Ogos - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengukuhkan kerjasama di peringkat serantau dalam usaha melindungi dan memulihara sumber asli dan alam sekitar negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar**) berkata, sebagai contoh, pihaknya berhasrat mengeratkan hubungan dengan Indonesia bagi menangani masalah jerebu yang sering melanda ekoran pembakaran hutan di negara tersebut.

"Kita mahu memastikan jerebu tidak lagi memberi kesan buruk kepada negara, jadi kerjasama erat dari negara luar amat diharapkan selain penguatkuasaan di dalam negara bagi membendung gejala pembakaran terbuka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melapor diri

buat kali pertama di Kementerian tersebut setelah dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menggantikan Datuk Seri G.

Palanivel yang digugurkan daripada barisan Kabinet.

Yang hadir sama timbalannya, Datuk Ir. Hamim Samuri dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Azizan Ahmad.

Menurut Wan Junaidi, walaupun kaedah pembakaran terbuka bagi membuka ladang baru menjadi pilihan

disebabkan faktor kos, namun isu keselamatan dan kesihatan serantau perlu diberikan keutamaan.

"Pengurusan alam sekitar dan sumber asli adalah penting terutamanya ketika dunia mengalami perubahan suhu dan cuaca, untuk itu fokus adalah dari aspek pencegahan dan pemuliharaan," katanya.

